



Sriti Tahfiz Al-Fateh Raub
SEKOLAH RENDAH ISLAM TAHFIZ INTEGRASI AL FATEH



Penilaian Pertengahan Tahun 2021

**SUBJEK :
BAHASA MELAYU
TAHUN 3**

Hari : Khamis

Tarikh : 29 Julai 2021

Masa : 8.30 - 9.30 pagi

Tempoh menjawab : 1 jam

NAMA :

KELAS :

Selamat maju
jaya murid-murid
semua & selamat
menjawab
peperiksaan.



ARAHAN SEBELUM MENJAWAB



Terdapat 25 soalan. 1 soalan mewakili 4 markah.



Murid-murid dikehendaki menjawab semua soalan yang telah diberikan.



Tempoh menjawab adalah selama 1 jam sahaja.



Murid-murid hendaklah jujur dan amanah ketika menjawab soalan. Boleh hubungi mualimah atau tanya ibubapa tentang arahan soalan yang kurang jelas atau tidak faham.

**"SELAMAT MAJU JAYA & DAPAT MENJAWAB
UJIAN DENGAN CEMERLANG"**

(Muallimah Syahirah)



Soalan 1 dan soalan 2

Arahan :


Terdapat 4 pilihan jawapan iaitu A,B,C dan D.
Pilih jawapan yang sesuai.

Soalan 1 berdasarkan gambar di bawah



1. " _____ berdua ditugaskan untuk menyapu lantai bilik darjah pada hari Isnin," kata Dira dan Lilian.
- A. Mereka
 - B. Kamu
 - C. Kami
 - D. Saya

Soalan 2 berdasarkan gambar di bawah




2. Mak Cik Milah sedang menghiris bawang. _____ hendak menggoreng sayur.
- A. Engkau
 - B. Awak
 - C. Saya
 - D. Dia

Soalan 3 hingga 5

Arahan :

Terdapat 4 pilihan jawapan iaitu A,B,C dan D.
Pilih jawapan yang sesuai.

Soalan 3 berdasarkan gambar di bawah



3. Air di dalam _____ itu masih panas kerana dijerang sebentar tadi.
- A. Periuk
 - B. Sudu
 - C. Cerek
 - D. Baldi
4. Ayah mempunyai _____ membaiki motorsikal yang rosak.
- A. Kebolehan
 - B. Kepintaran
 - C. Kepakaran
 - D. Kecekapan

Soalan 5 berdasarkan gambar di bawah



5. Kamal memasuki pertandingan _____ peringkat daerah Lubok Antu.
- A. Ninja
 - B. Judo
 - C. Taekwondo
 - D. Silat

Soalan 6 hingga 9

Arahan :

Terdapat 4 pilihan jawapan iaitu A,B,C dan D.
Pilih jawapan yang sesuai.

Soalan 6 berdasarkan gambar di bawah.



6. " _____, sakitnya perutku. Sudah beberapa hari aku tidak makan!"
keluh si monyet.
A. Aduhai
B. Amboi
C. Aduh
D. Cis
7. _____, nama saya Syahmi. Selamat berkenalan.
A. Oh
B. Cis
C. Hai
D. Amboi
8. Kami membeli beberapa _____ mata kail untuk memancing di
sungai belakang rumah atuk.
A. Butir
B. Biji
C. Bentuk
D. Ketul
9. " _____, sudah lama kita tidak berjumpa!" kata Engkahmat kepada
Linggi.
A. Eh
B. Oh
C. Nah
D. Wah

Soalan 10 hingga 12

Arahan :

Terdapat 4 pilihan jawapan iaitu A,B,C dan D.
Pilih jawapan yang sesuai.


Soalan 10 berdasarkan gambar di bawah



10. Rahim sedang mencuci kereta _____ abangnya menyiram pokok bunga.

- A. Atau
- B. Manakala
- C. Tetapi
- D. Walaupun

Soalan 11 berdasarkan gambar di bawah



11. Ruth Ervina leka memerhati lembu datuknya _____ rumput.

- A. Memakan
- B. Makanan
- C. Memakai
- D. Memakanan

12. Lorentossa Julai _____ bola ke dalam gol pasukan India.

- A. Memukul
- B. Menolak
- C. Membaling
- D. Menendang

Soalan 13 hingga 16

Arahan :

Terdapat 4 pilihan jawapan iaitu A,B,C dan D.
Pilih jawapan yang sesuai.

Soalan 13 berdasarkan gambar di bawah



13. Murid-murid bergotong royong _____ pokok bunga di kawasan sekolah.
- A. Menanam
 - B. Menanami
 - C. Ditanam
 - D. Ketanaman
14. Kami melawat Cikgu Ali di hospital kerana beliau sakit _____.
- A. Tenat
 - B. Keras
 - C. Penat
 - D. Sesak
15. Simu _____ tentang kehilangan wangnya kepada Cikgu Juliana.
- A. Menulis
 - B. Menyatakan
 - C. Mencatatkan
 - D. Memberitahu
16. Adik membantu ibu _____ kain di ampaian.
- A. Menjemur
 - B. Sidai
 - C. Mengantung
 - D. Meletak.

Soalan 17 hingga 21

Arahan :

Terdapat 4 pilihan jawapan iaitu A,B,C dan D.
Pilih jawapan yang sesuai.

17. Setiap pagi, Amin dan ayahnya akan _____ selama 10 minit sebelum mandi.
- A. Bersenam
 - B. Bersorak
 - C. Bermain
 - D. Berlari
18. Sebelum bermain bola di padang, Filix dan rakan-rakannya _____ pakaian dan kasut yang sesuai.
- A. Mengguna
 - B. Memakai
 - C. Membeli
 - D. Mengambil
19. Farhan berjalan _____ kerana kaki kirinya luka.
- A. Terhuyung-hayang
 - B. Terkedek-kedek
 - C. Terincut-incut
 - D. Terpinga-pinga
20. Walaupun hujan turun _____ perlawanan bola sepak tetap diteruskan.
- A. Putus-putus
 - B. Sekali-sekali
 - C. Renyai-renyai
 - D. Lebat-lebat

Soalan 21 pilih kata lawan yang betul




21. Pak Jalal sedang mencabut pokok ubi kayu.
- A. Menanam
 - B. Menarik
 - C. Mengeluarkan

Soalan 22 hingga 25

Arahan :

Terdapat 4 pilihan jawapan iaitu A,B,C dan D.
Pilih jawapan yang sesuai.

Soalan 22 pilih kata **seerti** yang betul.



22. Kami **bersantai** di tepi Pantai Damai, Kuching selama dua hari.

Perkataan seerti bagi **bersantai** ialah

- A. Berehat
- B. Termenung
- C. Duduk
- D. Bekerja

Soalan 23 dan soalan 24

Pilih **simpulan bahasa** yang paling sesuai untuk diisikan di tempat kosong.

23. Kami bercadang untuk _____ di Pulau Langkawi.

- A. Makan hati
- B. Makan angin
- C. Ambil angin
- D. Bawah angin

24. Diana _____ hendak melanjutkan pelajaran ke Jepun.

- A. Hati waja
- B. Hati batu
- C. Ada hati
- D. Keras hati

Soalan 25 dan 26

Pilih ayat yang betul.

- 25. A. Mak baru pulang daripada pasar.
- B. Baju ini amat teramat cantik.
- C. Kakak rehat ke Langkawi
- D. Adik tidur di atas sofa.